



PEJABAT DAERAH DAN TANAH HULU PERAK, GERIK

KENYATAAN BIDAAN (NO. TENDER: P.T.GK. 354/10/2025)

PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN MELALUI PENENTUAN KADAR PREMIUM SECARA BIDAAN BAGI LOT 6053 SELUAS LEBIH KURANG 3.64 HEKTAR (9.0 EKAR) DI JAJARAN LEBUHRAYA TIMUR BARAT, MUKIM TEMENGOR, DAERAH HULU PERAK UNTUK TUJUAN TAPAK BANGUNAN (PERNIAGAAN)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada individu dan syarikat yang layak seperti mana yang diterangkan di bawah Seksyen 43, Kanun Tanah Negara (Akta 828).
2. Maklumat tanah yang akan dilupuskan adalah seperti di **Jadual 1:**

Jadual 1: Maklumat Tanah

i)	Daerah	:	Hulu Perak
ii)	Bandar / Pekan / Mukim	:	Temengor
iii)	Nombor Lot	:	Lot 6053
iv)	Luas	:	3.64 Hektar (9.0 Ekar)
v)	Jenis Pegangan	:	Pajakan Mukim (99 tahun)
vi)	Kategori Tanah	:	Bangunan
vii)	Syarat Tanah	:	Bangunan – Perniagaan
viii)	Sekatan	:	Di Dalam Kawasan Simpanan Melayu
ix)	Harga Rizab	:	RM 3,460,000.00

3. Maklumat tawaran adalah seperti di **Jadual 2**:

Jadual 2: Maklumat Tawaran

TARIKH & TEMPAT / LAWATAN TAPAK	TARIKH & TEMPAT MEMPEROLEH DOKUMEN BIDAAN	BAYARAN PERMOHONAN <i>*(Pekeliling PTG Bil. 10/2023)</i>	TARIKH, WAKTU & TEMPAT BIDAAN DITUTUP
28 April 2025 (Isnin), 9.00 pagi. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak, Gerik. Lawatan tapak adalah DIWAJIBKAN. Taklimat akan diberikan semasa lawatan tapak.	28 April 2025 (Isnin) sehingga 12 Mei 2025 (Isnin) Bahagian Pengurusan Tanah, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak, Gerik	RM 100.00	12 Mei 2025 (Isnin), jam 12.00 tengah hari Bahagian Pengurusan Tanah, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak, Gerik.

4. Dokumen Bidaan akan dikeluarkan selepas sesi lawatan tapak mulai 28 April 2025 (Isnin) pada waktu pejabat mulai jam 11.00 pagi hingga 4.30 petang.
5. Manakala pada hari (Selasa) dan hari seterusnya, Dokumen Bidaan akan dikeluarkan pada waktu pejabat mulai jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang (Isnin – Jumaat) dengan membuat bayaran permohonan berjumlah **RM 100.00** dan bayaran Deposit Kesungguhan Pembida sebanyak **25% (RM 865,000.00)** daripada harga rizab yang ditentukan oleh Jabatan iaitu **(RM 3,460,000.00)**. Hanya pembida yang menyertai lawatan tapak sahaja dibenarkan membeli Dokumen Bidaan.
6. Bayaran permohonan ini tidak akan dikembalikan.

7. Bayaran Deposit Kesungguhan Pembida akan dipulangkan semula kepada pembida yang tidak berjaya. Bagi pembida yang berjaya, bayaran deposit ini akan diiktiraf sebagai sebahagian daripada bayaran premium.
8. Dokumen Bidaan yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri/gam dan dimasukkan ke dalam Peti Bidaan yang terletak di **Bahagian Pengurusan Tanah, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak sebelum atau pada 12 Mei 2025 (Isnin) jam 12.00 tengah hari** seperti mana tarikh tutup di Jadual 2 di atas. **Tawaran yang lewat tidak akan diterima.**
9. Pembida / wakil pembida yang berminat untuk menyertai lawatan tapak, boleh mengisi google form melalui pautan <https://forms.gle/ExeUiVWJhHinFN64A> bagi tujuan pra pendaftaran selewat-lewatnya pada atau sebelum 25 April 2025 (Jumaat) jam 5.00 petang.
10. Pembida / wakil pembida hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan termasuk semua kos perbelanjaan dan pengurusan semasa yang berkaitan dengan urusan bidaan ini.
11. Pihak Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak tidak terikat untuk menerima bidaan yang tertinggi atau tawaran lain dan juga tidak terikat untuk memberi sebarang alasan kepada pembida yang tidak berjaya.

TARIKH KENYATAAN TENDER : 7 APRIL 2025


(MOHAMAD FITRI BIN HASSAN, P.C.M)
Pentadbir Tanah Daerah Hulu Perak

PELAN TANAH
(LOT 6053) 3.64 HEKTAR (9.0 EKAR)

